

04/06/2003

Jangan jadi pak turut (HL)

Mohd Azlan Jaafar

TOKYO: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Asia harus berhenti menjadi

'pak turut' kepada ideologi yang disogokkan masyarakat Eropah, sebaliknya

bangkit menentang sistem yang tidak adil jika ia serius mahu mencorakkan orde baru dunia.

Perdana Menteri berkata, penduduk Asia perlu berani menilai secara kritikal sebarang ideologi dan nilai sejagat yang dilaungkan Barat selain

berupaya mengubah sistem itu untuk manfaat penduduknya.

"Masyarakat di Asia ketika ini secara psikologi belum bersedia. Mereka masih merujuk kepada orang Eropah. Mungkin ini tinggalan penjajah Eropah terhadap penduduk Asia.

"Jika Asia mahu memainkan peranan dalam membentuk orde baru dunia, perkara pertama yang perlu dilakukan ialah membuang semua bebanan tinggalan sejarah ini.

"Mungkin orang Asia perlu mengingatkan diri bahawa mereka mencapai ketamadunan jauh lebih awal berbanding orang Eropah," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapatama bertajuk Dimensi Asia dalam Orde

Baru Dunia - Perubahan Paradigma di Asia dan Jepun pada sambutan ulang tahun ke-15 Simposium Institut Kajian Dasar Antarabangsa (IIPS) di Hotel Okura di sini semalam.

Dr Mahathir bersama isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali tiba pagi

semalam sempena lawatan kerja tiga hari ke sini, selepas menghadiri Dialog

Tidak Rasmi sempena Sidang Kemuncak G8 di Evian, Perancis.

Sebelum tengah hari, Dr Mahathir mengadakan pertemuan dengan bekas Perdana Menteri Jepun, Yasuhiro Nakasone yang juga pengerusi IIPS.

Dalam ucapan di hadapan hadirin yang terdiri daripada ahli akademik dan

penyelidik itu, Dr Mahathir berkata, konsep negara bebas, kebebasan mutlak, demokrasi, dunia tanpa sempadan dan globalisasi disogokkan orang Eropah tanpa bantahan dari Asia walaupun menyedari ia menidakkan kemerdekaan negara rantau ini.

"Ketika ini idea, nilai dan sistem yang diterima oleh dunia dizahirkan penduduk Eropah. Mereka mendakwa nilai mereka bersifat sejagat dan menafikan kewujudan nilai Asia.

"Asia perlu belajar menjadi lebih kritikal terhadap konsep barat. Jika mereka (Asia) tidak dapat melakukan ini, adalah mustahil Asia dapat memainkan peranan berkesan dalam membentuk orde baru dunia ini," katanya.

Perdana Menteri berkata, ketika ini Asia gagal berperanan dalam mencorakkan orde baru dunia kerana rantau ini tidak memperkenalkan dirinya sebagai satu entiti dengan pendirian yang sama terutama berhubung isu global.

Ini kata Dr Mahathir berbeza dengan orang Eropah yang bersatu hati apabila menghadapi isu yang membabitkan kepentingan mereka tanpa mengira dari negara mana mereka berada.

"Penduduk di Asia bukan saja tidak pernah menentang konsep yang dipromosikan Eropah, malah akan berasa bersalah jika tidak menerima nilai dan idea sejagat yang dilaungkan itu.

"Asia bukan saja seperti tiada idea tetapi mengalami sekatan pemikiran (mental block) yang menghalang mereka daripada menilai dan menolak apa yang berasal dari Eropah.

"Asia masih percaya kepada Eropah walaupun mereka berterusan menderita kerana dasar itu (yang disaran Eropah)," katanya.

Perdana Menteri juga menegaskan Jepun harus memainkan peranan lebih besar dalam mencorak orde baru dunia dan melupakan kesilapan lampaunya yang ketika itu mengikut barat dengan menjajah bagi meluaskan empayarnya.

"Jepun menyesali kesilapan lalu. Tetapi adakah perlu (Jepun kerana masa lalu) untuk menolak peranannya di Asia? Jika Jepun memutuskan mahu memainkan peranan bersama negara Asia utama lain, pasti sumbangan Jepun adalah sangat besar," katanya.

Perdana Menteri berkata, Asia juga tidak perlu meniru apa yang dilakukan orang putih dalam memperluaskan pegangan dan ideologi mereka.

"Kita tidak perlu menawan atau menguasai sesuatu bagi membolehkan idea dan nilai kita diterima. Kejayaan Jepun mendorong negara lain menirunya secara sukarela," katanya.

Dr Mahathir turut menjelaskan adalah tidak mustahil untuk Asia menerima dan mencampurkan ideanya dengan konsep Eropah atau orang lain tetapi sebarang sumbangan perlu memastikan kepentingan Asia tidak dipinggirkan.

"Yang penting hasil ideologi itu akan menunjukkan sumbangan Asia kepada orde baru dunia.

"Orde baru yang dirangka oleh semua akan mengurangkan ketidakseimbangan pengagihan kekayaan yang berlaku sekarang," katanya merujuk kepada kuasa besar yang berpegang kepada ideologi dan sistem yang hanya mengkayakan diri mereka semata-mata.

"Jika kita mahu dimensi Asia dalam orde baru dunia, ia harus menghapuskan keuntungan maksimum untuk negara kaya dan memaksimumkan pulangan kepada yang miskin.

"Saya percaya Asia dapat menyumbang secara positif kepada pembentukan orde baru dunia yang mengagihkan semula kekayaan dunia dengan lebih adil.

Itu harus menjadi dimensi Asia dalam orde baru dunia," katanya.

Dr Mahathir menjelaskan bahawa penduduk Asia mempunyai cara tersendiri bagi memastikan ideologinya menjadi sebahagian orde baru dunia.

"Kita tidak harus memaksa cara kita seperti yang dilakukan orang Eropah.

Kita harus merangka sistem kita sendiri dan membuktikan kebaikannya. Jika

ia berjaya, orang lain akan ikut...jika kita gagal, kita harus bersedia mengubah atau menolaknya," katanya.

Perdana Menteri berkata, Asia juga tidak harus fanatik mempertahankan ideologinya yang terbukti gagal.

"Hasil adalah lebih penting daripada ideologi atau sistem," katanya.